



اَوْنَبُوْزِ سَيِّدِيْ بِاَتِيْكَوْلُوْ كِيْ مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
TUAN HAJI LATIF BIN MATNOH  
KETUA KAMPUNG DESA TEMU JODOH  
MENGENAI LATAR BELAKANG DAN  
SEJARAH KAMPUNG DESA TEMU JODOH**

**MUHAMMAD AZIB AZHAN BIN JAMILI**

(2022937741)

**MUHAMMAD SUFFIAN BIN MAMAT**

(2022981177)

**SEMESTER MAC 2023 - OGOS 2023**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
TUAN HAJI LATIF BIN MATNOH  
KETUA KAMPUNG DESA TEMU JODOH  
MENGENAI LATAR BELAKANG DAN  
SEJARAH KAMPUNG DESA TEMU JODOH**

**MUHAMMAD AZIB AZHAN BIN JAMILI**

(2022937741)

**MUHAMMAD SUFFIAN BIN MAMAT**

(2022981177)

**PUSAT PENGAJIAN SAINS MAKLUMAT KOLEJ PERKOMPUTERAN  
INFORMATIK DAN MEDIA**

**SEMESTER MAC 2023 - OGOS 2023**

<b>BIL</b>	<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Abstrak Penghargaan Senarai Abreviasi Senarai Singkatan Rujukan Kata	ii - xi
<b>1.0</b>	<b>Biodata Penemubual</b> <b>1.1 Penemubual Pertama</b> <b>1.2 Penemubual Kedua</b>	1 - 3
<b>2.0</b>	<b>Biodata Tokoh</b> <b>2.1 Biodata Tokoh</b> <b>2.2 Pengenalan kepada Tokoh</b>	4 - 6
<b>3.0</b>	<b>Sejarah Lisan</b> <b>3.1 Pengenalan</b> <b>3.2 Objektif Sejarah Lisan</b> <b>3.3 Kepentingan Sejarah Lisan</b>	6 - 10
<b>4.0</b>	<b>Kajian Literatur</b>	10 - 12
<b>5.0</b>	<b>Transkrip Temubual Bersama Tokoh</b>	13 - 33
<b>6.0</b>	<b>Log Temubual</b>	34 - 39
<b>7.0</b>	<b>Ralat</b>	40 - 41
<b>8.0</b>	<b>Glosari</b>	42 - 43
<b>9.0</b>	<b>Indeks</b>	44 - 45
<b>10.0</b>	<b>Bibliografi</b>	46 - 47
<b>11.0</b>	<b>Lampiran</b> <b>11.1 Biografi Tokoh</b> <b>11.2 Surat Perjanjian</b> <b>11.3 Senarai Soalan</b> <b>11.4 Diari Penyelidikan</b> <b>11.5 Gambar</b>	48 - 55

## ABSTRAK

*Wawancara Bersama Tuan Haji Latif Bin Matnoh yang merupakan ketua Kampung Desa Temu Jodoh ini dikendalikan oleh Muhammad Suffian bin Mamat dan Muhammad Azib Azhan bin Jamili, pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maklumat, Pengurusan Rekod (IM246) semester 5 Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA (uitm), Kampus Segamat, Cawangan Johor. Transkrip ini disediakan mengikut temubual yang telah dijalankan Bersama Tuan Haji Latif Bin Desa atau dikenali sebagai "Paiman" mengenai sejarah dan latar belakang tentang Kampung Desa Temu Jodoh yang tercipta nama kampung itu sekitar tahun 1973. Secara amnya, kampung desa temu jodoh ini diambil sempena majlis perkahwinan secara beramai-ramai di kampung lenek yang sebelum tercipta nama kampung Desa Temu Jodoh. Beliau juga banyak bercerita tentang kejayaan kampung dan adat tradisi yang diamalkan di kampung Desa Temu Jodoh secara tradisi serta pengalaman pahit dan manis beliau sepanjang beliau menetap di kampung itu. Melalui projek sejarah lisan ini juga, diharap masyarakat luar terutamanya generasi pada masa kini dapat mengetahui lebih lanjut dan mendalam serta berminat untuk mengetahui sejarah kampung lain kerana ia mempunyai keunikan dan tradisi tersendiri.*

*Kata kunci: Kampung Desa Temu Jodoh, Tuan Haji Latif, Kisah Hidup, Ketua Kampung, Sejarah Kampung, perkahwinan beramai-beramai.*

## ABSTRACT

*This interview with Tuan Haji Latif Bin Matnoh, who is the head of Temu Jodoh Village, was conducted by Muhammad Suffian bin Mamat and Muhammad Azib Azhan bin Jamili, students of the Bachelor's Degree in Information Management, Records Management (IM246) semester 5 of the Faculty of Information Management, MARA University of Technology (UITM), Segamat Campus, Johor Branch. This transcript is prepared according to an interview that was conducted with Tuan Haji Latif Bin Desa or known as "Paiman" regarding the history and background of Kampung Desa Temu Jodoh which the name of the village was coined around 1973. Generally, this village matchmaking was taken in conjunction with the ceremony mass marriages in the village of Lenek which was before the creation of the village name Temu Jodoh. He also talked a lot about the success of the village and the traditional customs practiced in Temu Jodoh Village traditionally as well as his bitter and sweet experiences during his stay in the village. Through this oral history project, it is hoped that the outside community, especially the current generation, can learn more and deeply and be interested in knowing the history of other villages because they have their own uniqueness and traditions.*

*Keywords: Desa Temu Jodoh village, Tuan Haji Latif, Life Story, Village Head, Village History, Mass marriage.*

# PENGHARGAAN

## **PENGHARGAAN**

Bismillah, Alhamdulillah, syukur ke atas rahmat Ilahi dan Kudrat kerana dengan limpah dan rahmat-Nya kami dapat menyiapkan transkrip ini dan menghantar pada waktu yang telah diberikan. Sekalung penghargaan diberikan kepada Tuan Haji Latif Bin Matnoh kerana sudi meluangkan masa untuk ditemuramah oleh kami.

Dikesempatan ini, kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang banyak membantu dan membantu kami terutamanya pensyarah subjek Sejarah Lisan kami iaitu Puan Azura Binti Kamarudzzaman yang telah banyak bersabar mendidik kami tanpa henti dan tanpa mengira masa.

Tidak juga lupa untuk menghargai dan merakamkan ucapan terima kasih kepada mereka yang telah banyak membantu dan bekerjasama dalam mencari dan mengumpul sumber untuk penyelidikan ini.

Ucapan ribuan terima kasih kepada ibu bapa kami yang sentiasa memberikan dorongan dan juga semangat serta banyak membantu kami dari segi kewangan sepanjang kami menyiapkan kerja kursus ini.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada semua orang yang membantu kami, secara langsung atau tidak, semasa proses transkripsi.

Sekian terima kasih

# SENARAI ABREVIASI

## SENARAI ABBREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
Uitm	Universiti Teknologi Mara



# SENARAI SINGKATAN

## **SENARAI SINGKATAN**

HL: Haji Latif (Tuan Haji Latif Bin Matnoh)

MA: Muhammad Azib (Muhammad Azib Azhan Bin Jamili)

MS: Muhammad Suffian (Muhammad Suffian Bin Mamat)

# RUJUKAN KATA

## RUJUKAN KATA

Neh	Ni
Taja	Menaja
Aa aa	Berfikir sejenak
Takde	Tiada
Padang ragut	Tempat mengambil rumput makanan lembu
Je	Sahaja
Sajelah	Sajalah
Grogan	Penemuan sesuatu
Tak tau	Tidak tahu
Kene	Kena
Anu	Disebut kerana terlupa
Ajalah	Sajalah
Kejelah	Kerjalah
Noreh	Menoreh
Yelah	Jela
Pompson-pompson	Perempuan-perempuan
Nak	Mahu
Mende	Benda
Tu	Itu
Bawak	Bawa
Dah	Sudah
Sarikat	Syarikat
Rebit	Debit
Gitulah	Begitulah
Bukak	Buka
Sume	Semua
Besok	Esok
Amik	Ambil
Keliling	Sekeliling
Babtu	Sebab itu
Tak	Tidak

Diorang	Mereka
Bia	Supaya
Citer	Cerita
Cume	Cuma
Mintak	Minta
Aje	Sahaja
Wassap	What apps
Numpang	Tumpang
Sape	Siapa
Ade	Ada
Pa	Personal asistant
Takdila	Takdi lah
Maulud	Maulidur
Taruk	Taruh
Kecik	Kecil

# BIODATA PENEMUBUAL

## 1.0 BIODATA PENEMUBUAL

### 1.1 PENEMUBUAL PERTAMA



<b>NAMA</b>	MUHAMMAD AZIB AZHAN BIN JAMILI
<b>TARIKH LAHIR</b>	22 OKTOBER 2001
<b>TEMPAT LAHIR</b>	HOSPITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH (HSNZ)
<b>ALAMAT</b>	1286, JALAN MASJID KAMPUNG PENGKALAN SETAR 20050, KUALA TERENGGANU, TERENGGANU
<b>NOMBOR TELEFON</b>	0199441900
<b>EMEL</b>	mazib88@yahoo.com
<b>PROGRAM</b>	PENGURUSAN REKOD (IM246)

## 1.2 PENEMUBUAL KEDUA



<b>NAMA</b>	MUHAMMAD SUFFIAN BIN MAMAT
<b>TARIKH LAHIR</b>	27 FEBRUARI 2001
<b>TEMPAT LAHIR</b>	HOSPITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH (HSNZ)
<b>ALAMAT</b>	D776 KAMPUNG SUNGAI SERAI BINJAI RENDAH 21400 MARANG TERENGGANU
<b>NOMBOR TELEFON</b>	0196026054
<b>EMEL</b>	Pyoen69@gmail.com
<b>PROGRAM</b>	PENGURUSAN REKOD (IM246)



# BIODATA PENGKISAH

## 2.0 BIODATA PENGKISAH

### 2.1 BIODATA PENGKISAH



<b>NAMA</b>	<b>TUAN HAJI LATIF BIN MATNOH</b>
<b>TARIKH LAHIR</b>	24 MAY 1952
<b>TEMPAT LAHIR</b>	KAMPUNG PARIT AWAM YONG PENG
<b>ALAMAT</b>	LOT 922 KAMPUNG PARIT AWAM YONG PENG 83700 BATU PAHAT JOHOR
<b>NOMBOR TELEFON</b>	60 19-757 5571
<b>EMEL</b>	Latiff62@yahoo.com
<b>KERJAYA</b>	KETUA KAMPUNG DESA TEMU JODOH DAN MEMPUNYAI PELBAGAI KHIDMAT DI KAMPUNG TERSEBUT

## **2.2 PENGENALAN KEPADA PENGKISAH**

Tuan Haji Latif bin Matnoh ialah seorang penduduk kampung yang terkenal yang telah dipilih untuk menjalankan penyelidikan ini. Haji Latif juga merupakan ketua kampung desa temu jodoh. Tuan Haji Latif dipilih sebagai pencerita memandangkan beliau lebih mengenali sejarah kampung. Di samping itu, beliau memainkan peranan penting dalam zaman awal pembukaan kampung desa temu jodoh pada tahun 1970- an. Haji Latif juga merupakan anak jati Kampung desa temu jodoh, chaah di Labis, yang melayakkannya menjadi pencerita kajian.

Encik Haji Latif banyak memainkan peranan dalam menaikkan bidang pertanian di kampung tersebut. Berdasarkan kajian yang kami dapat semasa pertemuan pertama dengan beliau, Haji Latif ini mempunyai banyak hak pemilikan di kampung tersebut seperti perusahaan kelapa sawit, penternakan lembu dan beberapa perusahaan rumah sewa di sekitar kampung desa temu jodoh. Beliau juga mempunyai pusat penimbang kelapa sawit yang terletak tidak jauh daripada kediaman rumah beliau. Selain itu, beliau juga banyak terlibat dalam aktiviti sosial. antaranya ialah beliau merupakan pengerusi masjid di kampung desa temu jodoh hampir 20 tahun, ketua koperasi di kedai sekitar kampung ini. Beliau sangat dihormati oleh penduduk di kampung desa temu jodoh kerana keperihatinan beliau dalam membangunkan desa temu jadi sehingga dikenali oleh orang luar.

# SEJARAH LISAN

### **3.0 SEJARAH LISAN**

#### **3.1 PENGENALAN**

Sejarah lisan bertujuan untuk sesiapa sahaja yang ingin menjalankan temu bual untuk mengetahui lebih lanjut tentang sesuatu subjek. Individu terpilih atau lebih terkenal selalunya dipilih daripada mereka yang telah menawarkan pelbagai pengetahuan sejarah yang mereka ketahui daripada pengalaman peribadi atau daripada kepakaran mereka sendiri dalam sektor tertentu. Maklumat tersebut kemudiannya direkodkan, diperiksa, dan digunakan sebagai bahan tinjauan dan pengajaran hasil daripada temu bual. Sejarah lisan adalah kaedah pengajaran sejarah dengan menggunakan orang biasa sebagai pelakon dalam peristiwa tersebut, seperti buruh dan minoriti. Kesaksian lisan daripada orang ramai akan membantu orang berasa dihormati dan bahawa mereka adalah sebahagian daripada sejarah. Semasa menjalankan penyelidikan, beberapa teknik digunakan untuk mengumpul data tentang subjek tertentu, seperti mencari pakar yang boleh bertindak sebagai watak.

Disini, kami akan membicarakan tentang sejarah Kampung Desa Temu Jodoh. Setiap nama tempat di semua negeri mesti mempunyai sejarahnya sendiri. Begitu juga dengan kampung Desa Temu Jodoh. Pada tahun 1973, Paiman, yang ketika itu berusia 26 tahun datang ke sebuah ladang kelapa sawit yang dikenali sebagai Sungai Lenek dengan kira-kira 120 anak muda yang lain untuk mengambil bahagian dalam projek pembangunan tanah. Kesemua mereka yang masih bujang tinggal di asrama dan bekerja di atas tanah tersebut. Hanya beberapa kilometer dari Sungai Lenek, terdapat projek yang sama untuk kumpulan wanita muda. Akhirnya, dia bertemu kekasih hati dan pada tahun 1977, 24 pasangan berkahwin dalam upacara besar-besaran.

Paiman berkata majlis perkahwinan besar-besaran itu dipercayai menjadi salah di antara yang terawal diadakan di negara ini, dengan kira-kira 20 ekor lembu disembelih dan dimasak untuk acara tersebut. "Selepas akad nikah, pasangan yang baharu berkahwin dibawa menaiki kereta Mercedes ke kawasan lapang kampung di mana majlis resepsi diadakan," katanya. Beratus-ratus orang hadir meraikannya. Pada 20 Oktober, Paiman adalah antara perintis yang akhirnya menerima hak milik tanah mereka daripada Menteri Besar, Datuk Mohamed Khaled Nordin, yang mengiktiraf mereka sebagai pemilik tanah. "Malangnya,

13 lagi penduduk awal kampung di sini telah meninggal dunia.

### **3.2 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah:

- Untuk mengkaji sejarah asal usul Kampung Desa Temu Jodoh.
- Untuk merungkai masalah banjir yang dihadapi penduduk di Kampung Desa Temu Jodoh.
- Untuk mengkaji persepsi artis muda terhadap artis veteran dalam industry seni pada masa kini.

### **3.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN**

Tujuan sejarah lisan ini dibuat adalah untuk memberikan pendedahan bahawa sejarah dan latar belakang sesuatu tentang tidak harus dilupakan. Menyediakan Sudut Pandangan Setempat adalah sangat digalakkan kerana Penduduk tempatan boleh mengaitkan kenangan mereka sendiri melalui sejarah lisan tentang sejarah dan latar belakang kampung. Ini memberi kita perspektif tempatan yang sebenar dan meluaskan pemahaman kita tentang sejarah kampung. Maklumat sejarah lisan selalunya lebih dekat dengan pengalaman sebenar orang berbanding versi rasmi, yang mungkin disalahtafsirkan atau diromantikkan. Tambahan pula, ia berpotensi untuk mengekalkan pengetahuan tradisional. Sejarah lisan adalah kaedah utama untuk memerhati dan memelihara pengetahuan tradisional yang telah diturunkan dari generasi ke generasi. Rakaman sejarah lisan membantu menyelamatkan maklumat tentang amalan kampung, kebiasaan, adat resam dan kehidupan seharian daripada hilang. Ini memudahkan pemeliharaan dan pemeliharaan pengetahuan yang mungkin tidak didokumentasikan secara bertulis.

Di samping itu, kepentingan sejarah lisan dapat dibuktikan lagi dengan boleh membantu mengukuhkan identiti budaya. Sejarah lisan mengenai sejarah dan latar belakang kampung menyumbang kepada identiti budaya sesebuah masyarakat. Penduduk mungkin mengenali warisan budaya mereka melalui

mendengar cerita tentang permulaan kampung, pembangunan, dan peristiwa penting. Ini menyumbang kepada rasa bangga kumpulan dan pemahaman tentang identiti budaya mereka. Tambahan pula, ia boleh memberi maklumat sejarah tambahan. Secara umumnya, sejarah lisan mengenai sejarah dan konteks kampung sering menawarkan maklumat tambahan yang tidak boleh ditemui dalam dokumen sejarah rasmi. Ini boleh mengandungi pengalaman peribadi, anekdot dan maklumat yang tidak disimpan secara bertulis. Kita mungkin memperoleh pemahaman yang lebih baik tentang masa lalu kampung dan peristiwa yang mempengaruhinya dengan mengumpul dan menyelidik sejarah lisan.

Sejarah lisan adalah penting kerana ia bukan sahaja meningkatkan maklumat peristiwa fizikal dalam sejarah kampung, tetapi ia juga membantu dalam pemeliharaan warisan tidak ketara seperti cerita rakyat, muzik, puisi, dan tradisi lisan yang lain. Ini membantu untuk mengekalkan seni dan budaya tempatan yang mungkin dicabar oleh kemodenan dan perubahan masyarakat. Memahami dan menghormati sejarah lisan sejarah dan latar belakang kampung membolehkan kita menghormati dan meningkatkan warisan budaya, memperdalam pemahaman kita tentang masa lalu, dan menyokong pemeliharaan adat yang penting untuk komuniti kita.

# KAJIAN LITERATUR



#### **4.0 KAJIAN LITERATUR**

Sejarah Kampung Desa Temu Jodoh amat unik untuk diceritakan. Hal ini kerana, sejarahnya yang membuatkan ramai pengunjung ingin mengetahuinya lebih mendalam tentang kampung tersebut. Kampung ini juga terkenal dengan penanaman sawit yang amat luas. Sekurangnya 1000 hektar keluasan sawit yang ada di kampung tersebut. Bukan itu juga, Kampung Desa Temu Jodoh juga memelihara banyak haiwan seperti lembu, kambing dan sebagainya. Asalnya Kampung Desa Temu Jodoh dikenali sebagai Tanah Rancangan Pemuda. Pada tahun 1977, diadakan majlis perkahwinan serentak peserta tanah rancangan berkenaan melibatkan 24 pasangan. Pada majlis itu, 24 pelamin didirikan di padang bola kampung berkenaan.

Kesemua mempelai kemudian diarak menaiki kereta ke Masjid Jamek Daerah Segamat untuk dinikahkan. Majlis berkenaan ditaja oleh Menteri Besar Johor ketika itu, Tan Sri Othman Mohd Saat. Sempena peristiwa itu, kampung ini ditukar nama kepada Desa Temu Jodoh. Terdapat juga banyak program yang telah diadakan di kampung tersebut. Salah satunya adalah sembelihan lembu korban pada hari raya Aidiladha. Semua penduduk disana boleh mengambil daging tersebut setiap seorang. Ini menyebabkan hubungan diantara penduduk di kampung tersebut terjalin. Selain daripada itu, program gotong-royong juga sering diadakan di kampung tersebut. Hal ini akan menarik minat pengunjung untuk datang ke kampung tersebut kerana kebersihan dan kecantikan kampung tersebut terjaga.

TRANSKRIP  
TEMUBUAL BERSAMA  
PENGKISAH

## **5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA RESPONDEN**

**MA: Okay Assalamualaikum Warahmatullah dan salam sejahtera (bunyi kereta), berikut adalah (bunyi kereta) temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh kampung dalam mengetahui salah silah dan sejarah di kampung Desa Temu Jodoh. Bersama-sama kami ialah Tuan Haji Latif bin Mat Noh atau lebih dikenali sebagai Paiman yang merupakan seorang ketua kampung di Desa Temu Jodoh. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 8 Julai 2023 bersamaan dengan hari Sabtu pada pukul (melihat jam di tangan) 4:40 petang bertempat di kediaman beliau di Kampung Desa Temu Jodoh. Temubual ini dikendalikan oleh Muhammad Azib Azhan Bin Jamili dan juga Muhammad Suffian bin Mamat. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan. Okey Encik.**

**MA: Okay assalamualaikum, so soalan pertama tentang latar belakang peribadi encik, apakah nama dan umur sebenar encik ?**

HL : (-- ) apa ?

**MA : Apakah nama dan umur sebenar encik ?**

HL : Nama Abdul Latif Bin Mat Noh lah, (batuk) umur dah genap 71 tahun.

**MA : So soalan kedua, dimanakah asalnya encik ?**

HL : Saya berasal dari Yong Peng lah, (--) kampung Parit Awam Yong Peng.

**MA : Soalan seterusnya, berapakah anak atau adik beradik encik ?**

HL : saya mempunyai 5 adik beradik, (--) adik beradik lah, anak saya ada 5 juga anak lah.

**MA : Ok soalan seterusnya, apakah pekerjaan dahulu dan sekarang encik ?**

HL : Pekerjaan dahulu (batuk) memang sementara bujang dapat tawarah neh, memang kita terus masa umur lapan belas [18] tahun tahun tujuh puluh dua [72] jadi berapa tahun lebih kurang eh ? (--) umur saya masatu bujang lagi lah kita kemarilah ke kampung desa temu jodoh, dulu Namanya rancangan tanah belia, (--) majlis kahwin orang ramai tu lah dinamakan desa temu jodoh, (batuk)(---)

**MA : Ok seterusnya kita ke latar belakang kampung desa temu jodoh. Ok soalan pertama bagaimana nama kampung ini tercipta ?**

HL : Oh iya alhamdulillah, jadi nama kampung ini tercipta ekoran daripada (batuk) Tan Sri Othman Saad Menteri besar kita, jadi dia dah taja kita (bunyi motor) kita rancangan tanah belia ni ditaja oleh kerajaan negeri, jadi dah lebih kurang hamper 5 tahun, 4 tahun gitu, bila dah mula menuai dan berjaya lah, jadi dia cadang untuk buat majlis nikah beramai-ramai aa aa jadi bila majlis tu kita carilah kawan kawan, mari kit acari jodoh (gelak) jadi cari (--) ada 24 ahli kitalah yang ingin bersamalah aa aa kita setujulah apa semua dibiayai oleh kerajaanlah masatu, aa aa pakaian apa semua penginapan kenduri kendera semua ditaja oleh kerajaan negerilah, aa aa perbelanjaan ini jadi aa aa buat majlis lah majlis bernikah beramai-ramai nikah di masjid jamek aa aa segamat, nikah di masjid jamek segamat lepastu malamtu kita buat satu majlis lagi majlis (--) apa tu persandingan, jadi memang alhamdulillah lebih kurang dalam dua puluh [20] ekor lembu juga, memang majlis besarlah (gelak) yang dibuatkanlah untuk kita, kita masa tu ikut ajelah (gelak) alhamdulillah lah ekoran tu majlis tu berjaya jadi (--) Tan Sri Othman Saad masa tu (--) dirasmikan masa tu sultan johor datang bersama (-) mana jabatan kerajaan daripada (--) kuala lumpur lah masa tu tan sri sape saya nama-nama lupalah, jadi ada datang bersama naik helicopter merasmikan majlis kita, majlis persandingan beramai-ramai (--) jadi lepastu dimaklumkan ekoran daripada tu nama kampung kita (--) bukan rancangan tanah belia lagi, dia tukar nama kampung desa temu jodoh, itulah sejarah nama (gelak) pada kitalah, alhamdulillah lah mula-mula janggal jugak apa nama kampung temu jodoh (gelak) rupanya uniklah itulah dia nama asal kitalah daripada majlis itu(...)

**MA : Ok soalan seterusnya, siapakah yang terlibat dalam perubahan nama kampung ?**

HL : Yang terlibat ? yang terlibat semua jabatan lah, (--) daripada semua-semua lah mana kita ekoran daripada tu dia membabitkan kerajaan punya program, jadi kita takde masalahlah kita bersyukurlah(...)

**MA : Ok soalan seterusnya, apakah kegiatan yang dilakukan di kampung ini ?**

HL :(batuk) awalnya (--) awalnya memang kita datang dulu memang kerajaan bagi sebidang tanah lebih kurang dalam 10 ekar lah, (--) jadi kita ada seramai 100 orang makna 100 ekar, (--) jadi 100 ekar kita datang dulu memang kebun tu belum ditanam, (--) masih hutan lagi (gelak) (--) masih separuh hutan jadi separuh kerjakan separuh kita tanam kita merong, bakar, nebas (gelak), nebang-menebang lagi, jadi memang betul-betul (gelak) (--) daif jugalah kalua kira-kira orang bukan jiwa kebun memang (gelak) kawan kita pun ambik datang sepuluh orang tinggal dua orang saja, jadi banyak pengambilan baru dapat penuh, jadi kita kekal lah, kita tabahlah pasal orang tua cakap dah jangan kemana lagi, pergi lah sana jadi alhamdulillah dengan mana doa orang tua jugalah, dengan gigih kita bertahanlah, jadi kita dapat kekalkan, jadi itulah kebun kita dalam 10 ekar tulah, jadi kita majukan rupanya kebun kita 10 ekar bukan kesulurahan tadi, tadi dalam 1000 ekar tu, (--) dalam 1000 ekar , 800 ekar je yang ditebang, pemaju dulu lah yang 200 ekar lagi (-) belum ditebang sepenuhnya, itu yang kita kena turun padang lagi (--) jadi kita merayulah dengan (--) tan sri Othman saad, kita nak nyara keluarga, kita nak buat kebun lagi, pendapatan kita tak setimpalkan dengan keadaan tu, jadi diberi kelonggaran bayaran dikurangkan, bayar-bayaran tu kita pasal hutang kerajaan negeri (--) dikurangkan pinjaman kita (--) alhamdulillah lah (--) tahun 2000 berapa 17 begitulah lebih kurang, yang kedian ni selepas dapat JSA dapat geran, makna ada sedikit lagi hutang tu dalam lapan ratus [800] ribu lebih dah dilupuskanlah, (--) melalui saluran-saluran yang kita mohonlah (--) jadi itulah cerita keluasan kebun kitalah, dalam tu alhamdulillah jugalah (-) kita kebun kita dalam satu ribu [1000] ekar dalam satu ratus [100] orang makna sepuluh [10] ekar sorang, masa tu harga

sawit agak (--) murahlah, satu tan baru 80 ringgit, jadi pendapatan kita kurang (-) jadi ditambah lagi kita untuk buat projek dusun, jadi penambahan 200 ekar, sorang-sorang 2 ekar lagi untuk buat dusun, jadi kita tanam durian, (--) dukun (--) secara kemplompoklah, di batu 9 sana, jalan batu 9 jalan yong peng sana, ada kebun kita kebun kelompok (--) dua ratus [200] ekar lebih gitulah, jadi kita ada tanam durian ada (--) dalam (batuk) 60 ekar (--) banyaklah (--) dukun (--) kita (--) rambutan (--) cara komersialah masa dulu jadi itulah yang kita (--) aktiviti kita dan juga rezeki kitalah kebetulan masa tu, kita pun ada berternak lembu, jadi berternak lembu secara berkumpulan, jadi kita mohonlah padang ragut, jadi kita mohon padang ragut kita dapat 200 ekar juga padang ragut (--) itu kita dulu tulah padang ragut kita 200 ekar (--) tapi masatu yelah kita sedia maklumlah padang ragut 200 ekar, jadi 200 ekar padang ragut masatu (--) lembu ada jadi bila maklum yelah, kita dah umur ni, masatu tak berminat, jadi kita tanam sawit juga, jadi padang ragut tu kita (-) dah tanam sawit lagi, jadi tulah kesuluruhan kebun kita (--) lebih kurang 14 ekar, alhamdulillah lah, itulah kita cerita telus lah kan, kedudukan (--) kebun kita lah, tapi kebun yang 2 ekar tadi sawit (--) ,2 ekar dusun, 2 ekar padang ragut, itu dulu kita mohon vaterinar juga, tapi memanglah vaterina padang ragut untuk desa temu jodoh, jadi makna bukan vaterina lagi, bukan jabatan yang bukan vaterina punya, tapi permohonan kita, dulu ada vaterina tanya juga, ini kalau dah vaterina kena ambik, tapi situ permohonan kita, jadi makna kekal lah (batuk) tulah dalam (--) empat ratus [400] ekarlah (--) jadi dalam 14 ekar soranglah lebih kurang, itulah (--) kedudukan kebun kitalah, jelaslah (--) alhamdulillah lah, tapi saya maklumkan lagi kita ni untungnya kit ani sempadan daerah., kebun padang ragut dengan dusun tu daerah batu pahat (--) kawasan ladang kita daerah segamat, kita ani sempadan daerah, jadi ladang besar kita dalam 1000 ekar ni (--) segamat, jadi tapak rumah di daerah segamat (--) rumah ini tapak rumah ni lebih kurang dalam (--) satu ratus [100] ekarlah kita buat dan juga kita dulu agihkan (-) tapak rumah ni kita buat second generasi kita juga, jadi kita kecilkan, jadi kebun tu dari kita bila dah kita bagi pada penduduk semua, makna 10 ekar tadi, makna 2 ekar untuk genarasi kedua dan 8 ekar untuk ladang besar (--) jadi kita membesarkan kampung kitalah, kampung kita dulu dalam (--) 100 ekar tambah lagi dalam 200 ekar, jadi 300 ekar lah kedudukan kampung kitalah dan agak tersusun jugalah, alhamdulillah lah, itulah cerita keluasan kan, jadi yelah orang cakap itu rezeki kitalah (gelak) mana

orang (--) kalau nak pun baru 10 ekar, kita dapat (--) semua tu, macam mana dapat itu laluan semua tu dari Allah lah (gelak) , Ok(...)

**MA : Ok soalan seterusnya, berapa orang penduduk menetap di kampung ini ?**

HL : (--) Alhamdulillah, boleh katakan (--) semua menetap di kampunglah, cuma anak dah berkeluarga, semua dah dengan (--) generasi dialah, jadi anak menetap ni lebih kurang (--) serratus dua puluh [120] tu semua ada lah, (--) tapi maklumlah dengan keadaan umur kita sekarang ni (--) dah banyak jugalah yang dah meninggal lah, jadi kita meninggal dah dekat empat puluh [40] orang yang meninggal, (--) dah dekat sukulah (gelak) (--) yang meninggal lah, itu je lah.

**MA : Ok soalan seterusnya, adakah dikampung ini mempunyai fasiliti yang cukup kepada penduduk ?**

HL : Maksudnya ?

**MA : Fasiliti yang cukup, fasiliti (--) kemudahan**

HL : Oh kemudahan, (batuk) alhamdulillah lah kita semua cukuplah api, air (--) kemudahan apa (--) ni apa talipon apa yang (--) semua dah (--) semua adalah, (--)



cuma yang melalui line ni, yang terbaru ni, semua tiang-tiang semua dah (gelak) kemudahan kitalah, lagipun dekat kampung sana pun kita ada MID, makna (-) PKD (--), lepastu masjid (--), klinik (--), dewan, klinik kita ada klinik kesihatan, kita ada untuk kita jugalah, masjid, kemudahan-kemudahan asas kita semua ada lah. Balairaya kita ada dua balairaya, (--), dewan pun gitu juga, (--), untuk kemudahan (--), tanah perkuburan kita ada lepastu untuk kemudahan (--), tanah perkuburan kita ada lepastu dalam ni kita gazetkan juga untuk sekolah (--), sekolah pun ada aset, (--), masjid pun ada aset dia, alhamdulillah lah, pengurusan permuafakatan masyarakatlah (--), itu semua dapat kita laksanakan itu yang saya nampak kemudahan asasnya lah, kalau pun kurang, kita mohonlah mana tempat laluan cara mana boleh dapat kita kejarlah peluang tu pun pada kita, jadi kita alhamdulillah lah kita, saya juga berjajalah pasal kita pun ada pengurusan ladang pun kita ada timbang sawit, jadi kita tak payah jual ke luar, kita ada syarikat sendiri, kita ada kedai koperasi (--), kita ada koperasi (--), koperasi runcit, semua ahli kita jadi pemegang saham, setahun sekali kita (--), kita mesyuarat 2 tahun sekali, ikut prosedur koperasi lah, koperasi kita pun hampir yang ke 43 tahun 2020 (--), yang ke 20, mana situ nanti boleh dinampakkanlah kita punya koperasi, cuma bencana tu sedia maklumlah haritu kita dapat bencana alam kan, banjir kira kritikal jugalah, hampir dua ratus [200] ribu (gelak) menanggung kerugian, habis barang dalam, tapi alhamdulillah (--), kerjasama anak-anak muda (--), kita buka saham balik, (--), kita topupkan balik (--), kita gerakkan anak-anak bersama kita, jadi alhamdulillah kita dah boleh mula bangun baliklah bergerak (--), untuk menghadapi permasalahan, kita mohon juga dengan SKM, SKM bagi dana, kita dapat lulus 150 ribu (--), dapat 50 ribu, 80 ribu, semua tu untuk (--), membesarkan program-program (--), koperasi untuk kita tingkatkan kita punya jualan, pasal dikampung kita ini (-) hampir dengan penduduk jiran sini hampir dalam 3000 penduduk taka da kedai, itulah kedai kita, kedai koperasi sat utu, jadi income pun dalam satu hari kadang boleh sampai 5000, jadi (gelak) alhamdulillah lah jadi kita situ ada bayaran ( bunyi motor penjual askrim ) melalui bil air, api semua melalui apa (--), kad semua kita, kita cuti hari sabtu, hari sabtu kita cuti, saya secara kebetulan pun pengerusi koperasi (gelak) jadi jelaslah (--), saya dah minta dibuat pilihan, dia minta hari sabtu, pasal hari sabtu biasanya apa (--), kadang ada kenduri kahwin, majlis, saya buat pilihanlah, jadi hari sabtu cuti (--), tu lah (--), kemudahan asas yang kita ada lah, tu je lah(...)

**MA : Seterusnya kita ke berkaitan banjir yang dihadapi, so soalan pertama bilakah biasanya musim banjir terjadi ?**

HL : Musim banjir tengkujuh ni kita (--) biasanya bulan 2 (--) bulan 3 gitulah, memang setiap tahun tapi pun musim tengkujuh secara kebetulan itu hari bila ekoran daripada hujan berterusan tak berhenti, bencana alam kita dapat nak cakap empangan pun mungkin air pun dia tak boleh penuhkan nanti pecah jadi dia bukalah, dia buka air naik dalam masa 3 jam saja air naik terus (batuk) hingga ke rumah saya ni pun banjir (batuk) bayangkan (--) nanti boleh tengok gambar masa banjir berlaku (batuk) kedai tu habis barang, di dalam bulan tu je la, dia (--) belum tahun 2006 dulu banjir sekali (--) lepastu tak ada, jadi ni yang kedua la ni (gelak) tapi kalini apa (--) dalam lagi, tinggi lagi. Kalini saya pindah lah, dulu saya tak pindah rumah setakat bawah je lah, dia naik-naik dalam satu jam lebih kurang tu, 2 jam lepastu surut (--) jadi kita pun taka da masalah tapi masa naik tu kita memang betul lah, saya ingat lagi macam yang banjir yang ni habis (--) air, Allahuakbar (gelak) nak cakap, kain-kain semua memang kira-kira ye lah kalau dah merasalah tak sama kita cerita dengan (gelak) pengalaman, itu cerita banjir tu je lah(...)

**MA : Ok kedua, berapakah penduduk yang terjejas banjir itu ?**

HL :(batuk) Apa (--) lebih kurang dalam 32 orang, pasal ada tanah tinggi ada yang rendah, itu memang air masuklah, air masuk jadi yang terjejas banjir dalam 32 tu kita pindah ke balairaya, besoknya dah surut, haa (--) tapi masa naik tu, maklum

sajelah, semua dah tumbang (gelak) dalam ni penuh, memang tinggi air (gelak) (pukul almari sebelah) ni semua yang baru(...)

**MA : Ok soalan seterusnya, dimanakah rumah tumpangan ketika banjir ?**

HL : Kita gunakan balai raya kita, balairaya dengan pejabat timbang saya, pejabat timbang tu tinggi, balairaya sana pun tinggi pasal ramai kan, tapi kita daftar di balairaya sanalah, balairaya sana kita daftar (-- ) melalui (-- ) rekodlah(...)

**MA : Ok soalan seterusnya, berapakah ketinggian paras air ketika banjir dilanda ?**

HL : (-- ) dalam tiga kaki lah, tiga kaki lah kita anggap dalamnya, tapi ladang kita 15 kaki (gelak) aa aa saya ada ternakan pun hanyut habis lembu-lembu saya (-- ) itu hari kita dah tengok kan, alhamdulillah lah itu tak apa lah itu rezeki kita(...)

**MA : Ok soalan seterusnya, adakah barang dokumen dapat diselamatkan ?**

HL : Alhamdulillah lah, pasal (batuk) ada kawasan tinggi, jadi kita naikkan tempat yang tinggi yang mana rosak-rosak kita simpan dalam mana (-- ) rumahlah, semua saya fikir yelah pasal pernah (-- ) semua dah ok lah, yang kira ada juga yang kita tidak dapat selamatkan lah, pasal ekoran macam kita taruk dalam apa (-- ) (bunyi ketuk

kerusi) kerusi kita mana dulu kan dia tulis apa (-- ) kayu kan (batuk) dia (ketawa) reput, plywood kan (-- ) dia terduduk, habis, adalah sebahagiannya, tapi yang berharga kita dah selamatkanla(...)

**MA : Ok soalan seterusnya, adakah haiwan peliharaan dapat diselamatkan ?**

HL : Alhamdulillah, haiwan kita (ketawa) yang betulnya 26 ekor tu hanyut lah, hanyut dibawa arus, yang lain tu nampak di acari tempat tinggi, lepastu dia balik lagi lah, bila dah surut tu dia balik lagi lah, semua itu hari kita pakai jentera, pakai GCB pergi ambil GCB pun tenggelam hanyut,rosak (ketawa) GCB pun tenggelam, sampai anak pergi kesana nak tengok,dia pun terperangkap, nasib baik dia panjat pokok dia pakai talipon, pakai speedboat datang mari dekat atas pokok, GCB dah tak boleh lepas, tu lah kira air punya kekuatan air naik masa tu lah, tapi nyawa (-) diragutlah, cuma ternakan tu ada 4 ekorlah yang mati, dia ada tali, terbelit, aa aa yang nampak betul lah, yang lain tu tak tahulah tak jumpa balik lah, itu je lah kira ternakan kita lah, itu membabitkan saya,yang lain ada juga jiran yang sebelah dekat satu ratus [100] ekor habis semua, dalam lapan puluh [80] ekor hilang semua, membabitkan ye lah, ada tempat tinggit selamat lah, itu je cerita ternakan lah(...)

**MS: Okey, soalan daripada saya, adakah kampung ini sering dijajah pada zaman dahulu?**

HL: (batuk) kampung kita ni saya nak cerita dululah (-- ) masa saya datang dulu memang kawasan kita ni (bunyi kereta) kira(-- ) dijajah tak jugala ni kalau cerita

sejarah kita sini kampung untuk maklumatla, saya datang dulu memang apa(--)) ialah zaman komunis dulu kan(batuk) kalau kira adalah tempat-tempat yang ada (--)) Kawasan- Kawasan strategik yangtu tapi kita pon cerita tak nampak jadi bagi kita tak takdelah..cume kalau kampung tu lainlah kampung Parit Awang, Kampung paya lain(-) lain ini kampung sini kita mendatang (..) kita datang (--)) buat kampung kan disuruh kerajaan untuk buat kita ikut kita akur jela. Jadi , dijajah takdelah cume kita dulu kita di trainkan ala tentera (--)) datang sini pagi meneroka ,bangun pagi kene sembahyang (--)) lambat bangun kene keliling padang cium tayar trektar(gelak) pagi-pagi kene baris dulu (--)) tengah hari nak kerja kene main tu(..) ape baris juga lagi petang aktiviti lah aktiviti sukan(..) takraw ke ape zaman muda kitalah(..) dijajah takdelah cume kita dulu adelah juga ahli kita orang india satu orang india(--)) nama dia kronjon (..) jadi mungkin nilah dia(..) dia sayangkan agama dia isteri dia dah ikut semua majlis kita (gelak) dia cabut lari itulah nama kronjon dulu(..) itu sorang saja cina takde yang india sorang je ada masa zaman bujang kitalah(--)) grogan awallah(...)

**MS: (--)) Soalan seterusnya,di manakah tempat perlindungan Ketika dijajah?**

HL: (--)) dijajah( batuk) sini kita takde jadi tak tau lah nak cakap kalau saya kat kampung (--)) masa dulu dia Kawasan sungai paya kan jadi kene pindah Kawasan tinggi(--)) di ada parit awang lama, parit awang baru dipindah(--)) Kawasan tulah jadi kalua sini (..) pada saya tak nampaklah pasal kita ni keliling estet (batuk) mana dulu sofin sofin ni makna syarikat anu orang putih dulu dia buat projek apa sawit juga dulu kan jadi kita berhampiran dengan tu jelah(..) untuk dijajah saya tak nampaklah(--)) tu jelah(...)

**MS: Okey soalan seterusnya, tentang ekonomi aktiviti ekonomi oleh penduduk, apakah pekerjaan yang dilakukan masyarakat Ketika dahulu?**

HL: (batuk) dulu memanglah kita(.) memang hasilnya sawit kan jadi memang itulah tapi kita ada jualan juga kita tu tadi kita buat projek apa belimbing (--) antara anulah saya pon dulu niaga pasar tani(--) kita bahan-bahan pertanian tahun tujuh puluh Sembilan [79] lapan puluh [80] an lah saya meniaga pasar tani jadi kita cari barang-barang maklumjelah kita ada tanaman pisang, tanaman itu lah yang kita bawak pergi kebun cari sayur-sayur cari yang murah-murah ajalah(.) lepahtu pembekal daripada apa naik pelbagai moto je dulu(.) ni cerita penambahan income kita jadi sementara kat sini dulu taka de kita pergi dulu dekat estet ada benih ad akene (.) apa buat polybag benih isi anu buah anu sawit lah kan kita kejelah dulu (--) pergi buat penambahan kita lepastu ada somil jadi part time kita pergilah kerja-kerja somil itu penambahan tapi gigih kitalah jadi mungkin masatu kita pon ada (--) part time kita noreh pajak kebun orang(--) tapi jalannya saya banyak anulah meniagalah saya meniaga apa buah-buahanlah sayur-sayuran itulah yang saya masa tu yelah kita sini ada projek pertanian yang tadi atau tanam pisang (batuk) jagung(--) belimbing kita sendiri pembekal belimbing daerah segamat(...) Kita buat secara komersial memang daripada pama, daripada mardi kita banyak anu agensi-agensi kita mengikuti kursus-kursus (--) tambah ilmu lepastu kita buatlah jadi ternakan anu ayam pon kita ada burung puyuh pon kita ada saya dulu bela burung puyuh (--) secara komersial jugalah bersungguh-sungguh juga ingin ke belasan ribu juga saya buat projek puyuh jadi kita ada kedai runcit(...) jadi (--) pelanggan kita jual burung puyuh kita telur baru dihantar ayam-ayam dia pertukaran baranglah (--) saya pon dulu kedai koperasi kita ni tahun (--) sembilan puluh [90] berapa kita tubuhkan koperasi(--) jadi koperasi ahlihlah untuk keperluan penduduk jelah masatu itu jelah yang jadi yelah yang tu jelah cume menampakkan dalam segi apa nama penambahan income kita rumah-rumah kita pon dia pon banyak buat anu jualan (--) apa nama jualan kuih(--) jualan anu frozen jugalah dulu ada buat macam-macam jugalah (--) dia ada bua tapa sos apa maggi sos apa(--) memang ada dia punya kumpulan dialah kumpulan anu pompuan-pompuan program-program dialah(--) buat sos sos apa kita nak cakap yangtu yelah (--) yang mende tu dia ada label dia dan dia jual (--) buat tauhu, buat tempe(--) semua aktiviti anulah (--) penduduklah kita masatu kita pon pernah juga pergi pertandingan-pertandingan kita

kampung kita berjaya lah ekoran daripada aktiviti-aktiviti apa (-- ) aktiviti kemasyarakatan tadilah(...)

**MS: okey soalan kedua, apakah aktiviti yang sering dilakukan oleh penduduk?**

HL:aktiviti? Aktiviti kita memanglah kalau tiap-tiap tahun itu memang program tahunan kitalah kalau aktiviti penduduk(-- ) setahun sekali kalau hari raya kita marhaban lah(-- ) tiap-tiap minggu hari jumaat kita baca yasin berkelompoklah kita mendekati ahli kita jadi kita ada anak-anak muda pon suruh tubuhkan belia(..) jadi beli dia kita bantulah (-- ) sukan pon kita ada aktiviti sukan (-- ) aktiviti sukan maksud dia kalau tu apa (-- ) aktiviti macam kata tiga puluh satu [31] ogos eh(-- ) kita buatlah kita keluarkan dana bagi ahli keluarga kita kita bawak juga (-- ) setahun sekali melanconglah mana bawak anu warga kita buat ahli keluarga di mana tepi laut sana buat sukaneka kita buat (-- ) kita mana pergi sabah, serawak banyak semua tu kita bawak untuk ahli-ahli kitalah (-- ) itu kita tubuhkan apa(-- ) pertubuhan (batuk) yang saya tubuhkan pertubuhan timbang sawit tu jadi secara kebetulan kita ada asset(..) kita ada asset maksud saya dulu bila dah sepuluh tahun [10] tahun berlalu, lima belas [15] tahun berlalu jadi saya mintalah supaya apa nama (-- ) kemana arah kita misi visi kitalah (-- ) jadi cara kebetulan saya add kawan-kawan kita ni dulu bila pengawai-pengawai kita dah pencen yang dah bekerja dah pencen jadi kita tubuhkan pertubuhan(..) kita daftarkan sarikat(-- ) kita daftarkan sarikat kita ada kewangan kita beli kebunlah kebun itu jadi asset kitalah jadi ada dalam tiga puluh [30]- empat puluh [40] ekar kebun kita(-- ) jadi tu hasil itu jadi pusingan kita untuk kita punya timbang sawit saya buatlah (-- ) projek timbang sawit jadi kita ahli mesti jual dengan kita keuntungan pada kita pada masatu kita dapat rebit(-- ) kita dapat gst masatu jadi memang (gelak) alhamdulillah lah tiap-tiap tahun tu yang saya cakap tadi kita boleh melancong(-- ) kita buat ahli keluarga kita buat mesyuarat agong di hotel mana (gelak) bawak pergi Kelantan sana(-- ) dua malam pergi balik tiga puluh [30] ribu kita support semua(-- ) nak raya kita bagi dana keuntungan kita bagi hari raya (..) duit raya

keuntungan kita bagi lebih dua puluh [20] persen ke bagi anak-anak yang berjaya masuk ke ipt kita bagi (-- cenderahhati bagi dana masuk ke ipt kita bagi seribu jadi (bunyi kereta) budak-budak yang berjaya anak-anak yang berjaya alhamdulillah lah (-) jadi anak bila macam itukan tahu kenangan dia (-- kampung dia beri jadi apa sumbangan dia pada kampung pon dia kene amik kira (gelak) tu contoh yang kita nampaklah alhamdulillah anak-anak kita pon boleh katakan lapan puluh peratus [80%] yang bekerjayalah(...)

**MS : Okey soalan ketiga, apakah cara masyarakat di kampung ni untuk mengekalkan aktiviti yang dilakukan dulu (-- dahulu untuk dikekalkan kepada anak-anak sekarang?**

HL: alhamdulillah(-- jadi cara dia yang kita buat (batuk) kita (-- kita ada dana jadi yang aset-aset kita tu kita serahkan kepada anak-anak(-- jadi untuk dia tubuhkan apa nama sarikat dialah (-- sarikat anak mudalah jadi dia buat aktiviti dia jadi saham kita keluarkan kita bagi modal untuk pusingan kita pasal kita ada duit keuntungan perniagaan kita tu kita bagi ke dia untuk dia mengolah mengerakkan mana lebih kehadapalah contohnya gitulah (-- kedai- kedai koperasi (sendawa) ni pon kita dah umum jadi saya dah bukak saham pada anak-anak, jadi sume anak-anak dah boleh masuk seratus ringgit [RM100] dan dua puluh ringgit [RM20] serratus ringgit [RM100] (-- saham kan dua puluh ringgit [RM20] kita punya management pengurusan lah kita bagi dia jadi sume anak-anak kita suruh daftar besok mensyuarat agong nanti (-- dalam pemilihan kita amik berapa persen anak kita Bersama jadi dia mula ambil alih kita punya pengurusanlah macam gitulah kita buat dalam segi pengurusan dia bersamalah(-- contohnya masjid rakan muda masjid tu kita dah keliling tanam kelapa, kelapa apa (-- makan ni jadi dulu memang kita handlelah tapi sekarang kita bagi anak muda bagi dua(-- jadi sebulan sekali dia petik dia kumpul dan kopek dia jual (-- cara-cara yelah yang kita nampaklah sebulan sekali dia buat aktiviti tu(-- tu yang kita nampak macam kampung ni pon aktiviti anak-anak mudalah



kita macam balai-balai dulu kan balai bergerak apa sume kita dah serahkan dia(--)  
contonya kita buat majlis itu hari korban hari raya(--)  
korban hari raya pon kita dah  
buat tu (batuk) anak-anak muda kita bagi dia baktu kita beri peluang untuk ternakan  
lembu untuk anak-anak muda (--)  
jadi diorang dah lembu kita tak boleh balik jadi  
anak-anak berapa orang tadi (--)  
lembu sorang-sorang alhamdulillah tahun ni je kita  
ada lapan belas [18] ekor korban semua tak beli luar anak-anak kita punya ni yang  
kita beli jadi (gelak) tak itulah kelebihan-kelebihan bila kita dah dedahkan dia dah  
bergerak (--)  
dia buat secara komersialah cara mana bela yang pasal dia yang ada bela  
kambing po nada yelah alhamdulillah lah itu jelah yang kita Nampak anak-anak kita  
yang kita lepaskan untuk dia amik alih pasal kita pon maklum jela dan umur tujuh  
puluh [70] ni tu jelah macam tugas-tugas pon dah kita mula macam masjid pon saya  
pengerusi masjid saya pon dah (--)  
mintak ni tahun 2025 ni tamat jadi saya dah  
bimbing anak-anak pelapislah jadi aktiviti sume dia dah buatlah (--)  
kubur (batuk) jadi  
sume dah anak muda jadi kematian sume diorang sumelah jadi kita dah alhamdulillah  
kita dekati la tapi selari dengan (--)  
kehendak semasalah (batuk) jabatan memerlukan  
kita kursus pon kita anak-anak muda macam semalam pon kita wajib kursus satu kita  
sume kita panggil ajk pasal kita nak kelayakan untuk dapatkan dana-dana pinjaman  
ape sume tu kita mengikut procedure-prosedure yang (--)  
kalau tak mengikut syarat  
awak tak (--)  
ikot sama peluang tu tak adalah jaid kita ada ciri-ciri dia tu kita  
penuhi anak-anak pon alhamdulillah semua lelasan yang ada dulupon lelasan ijazah  
ke apa budak (gelak) yang okey la kan jadi dia nampak sekarang urusan semua online  
(gelak) jadi bukan bidang kita lagi jadi anak la yang bergerak jadi dia mengisi sume (-  
-) kita bagi IC dia isi (--)  
dia gerakkan itulah kelebihan yang kita (--)  
jadi kalau saya  
pergi ke sekian-sekian daerah apa peluang yang ada (--)  
jadi kita nampaklah apa itu  
panggil itu jadi kita pasal biro (--)  
biro projek-projek baru (--)  
macam kedai koperasi  
sebelah tu ada lagi kedai lagi kita mohon (--)  
sijil (--)  
dalam dua ratus [200] ribu kita  
buat kene buat kertas kerjalah itu nak buat macam mana supaya kita punya ni apa  
nama menampakkan gerai yang lama itu diubah suai pasal kita satu tahun bayar lapan  
ratus ringgit [RM800] untuk sewa kita punya geran kita punya apetu kedai tu kita ada  
tapak ada ada cukai tapi bangunan (--)  
usang kan jadi kita dah ambil gambar, kita buat  
kertas keje kita nak renovatekanlah jadi buat kertas kerja untuk macam mana buat dua  
tingkat atas buat pejabat bawah buat apa ke untuk anak buat homestay ke ataupun (--)  
buat bengkel bengkelah jadi menaikkan kampunglah jaid anak-anaklah buat hardware  
ke bia dia bergerak dan sampai zaman dia(--)  
jadi tu jelah yang saya nampak tapi

benda tu (--) kita citer pon anak selari sebab tu anak-anak sekarang macam penyembelihan pon saya dah hantar kursus dan bukan orang tua lagi anak-anak muda yang sembelih lembu jadi geraklah kita(--), yang kita nampakkanlah(...)

**MS: (--) Soalan keempat, apakah aktiviti yang dilakukan masyarakat kampung ini pada waktu petang?**

HL: (--) (batuk) waktu petang yelah kalau orang tua ialah kita faham jelah (--) kita sampai masa waktu sampai tu selari lah dunia akhirat kan tapi anak-anak yang kita dah nampakkan kebanyakan dia berniaga lah kan (--) meniaga ada yang berniaga kedai gunting, kedai burger kedai (--) macam-macam lah perniagaan aktiviti-aktiviti dialah(--), itu aktiviti anak-anak mudalah yang ada dekat kampung (--) yang lain dah kerjaya dekat luar dah cara luarlah (--) itu jelah yang dekat kampung itu jelah yang saya nampak cume ternakan tadilah banyak buat cara komersialah dia buat lembu tadi (--) buat anu padang ragut (--) pasal apa sekarang (--) kita jual nephire sekarang dah laku (batuk) suatu hari sultan tu nak bagi makan gajah mana ada nephire yang nak jual (batuk) jadi tulah orang dah faham padang ragut berharga dah dengan projek-projek yang macam gitukan jadi anak muda kita dedahkan tu jelah jadi sebabtu lah saya kalau akan datang nanti bila dia dah bersama kita dia dah nampak (--) dia olahlah (--) untuk nampak kampung(...)

**MS: Okey (--) soalan seterusnya, apakah keistimewaan atau keunikan di kampung ini?**

HL: alhamdulillahlah keunikan di kampung ni yang saya nampak kemufakatan (--) jadi pertama sekali kalau kita buat program kita panggil sume anak-anak datang (--)

anak-anak luar pon yang balik kita buat tahun ni kita buat program korban (--) kita mintak (--) diorang datang lepastu kalau kita nak buat satu (--) kita pakai wassap aje hantar kita memerlukan dana anak-anak masukkan okey bank in nikan (--) itu hari kita nak buat (--) pusat penyembelihan tu berapa ribu (--) anak masukkan duit (--) jadi kita alhamdulillahlah kubur nak buat pasang pagar jadi itulah dia kelebihan dia pasal anak-anak kita pon yelah kita pon nak lantik dia duduk dalam bidang yang itu jadi untuk keceriaan dia (--) jadi macam masjid tu dulukan kita makna sekarang kita nak tahun ni menampakkan keceriaan lampu apa sume (--) sume dia dah buat jadi kemudahan-kemudahan jela selarilah (--) anak-anak kita sini menantu pon ada yang dah bermaustautin dekat sini la kan (--) jadi dia yang kita lantik jadi imam pon anak iman muda memang (--) yelah berjyalah jadi sume dah dia dah kedepan (gelak) jadi bacaan pon maklumjela dah baik (--) takdelah yang batuk-batuk bagi sume cergas la (gelak) kita pon numpang bangga itu kelebihan pasal kubur kite pon tujuh [7] kampung yang gunakan (--) makna kita tujuh [7] kampung gunakan kubur kita kematian kita bagi pasal kubur itu ada aset jadi satu kematian kita bagi seratus lima puluh [RM150] untuk urusan jenazah tapi kita bagi ketua (--) tadi ada enam [6] kampung (--) ketua dia sape jadi dana ini ketua ini saya sebagai pengerusi bagi kepada ketuanya jadi penghargaan kepada ketualah jadi aktiviti itu kalau nak raya ke apa kita kumpul kita majlis (--) untuk kubur gotong royong ramai-ramai. Apa yang perlu okey saya nak bantu (--) bantuan-bantuanlah ini tadilah jadi dia tiang tu percuma yang ada kanopi percuma dia bagi je jadi dekat tabung itu kita buat aktiviti (--) pasal kematian itu tadi kita ada dana (--) kita pon secara kebetulan bila Kawasan itu luas, jadi keistimewaan mintak maaf laa kan kalau penduduk kampung kita jadi kita punya ini desa temu jodoh satu tempatlah yang lain kampung-kampung yang lain jadi keistimewaan tu ade lah macam tanah kubur kita kan jadi untuk keluarga kita tu jelah perbezaan dia kita dah buat apa tempat apa tempat pondok menunggu sume alhamdulillah la kat situ kite dah masukkan api,air kereta pon dah boleh masuk terus (--) sebabtu kalau ada kematian-kematian kita ada PA system terus (--) jadi okelah makan (--) kita ni takpun kalau hari raya memang (gelak) alhamdulillah la sebabtu kampung ini dulu kita ada pertandingan kan jadi saya mintak anak muda buat aktiviti ape je mengecat jalan taruh lampu apa sume tu (--) itu aktiviti yang kita buatlah jadi kerjasama kalaupun tiga puluh satu [31] ogos tu tu takdila kan (--) jadi kita programkan majlis kumpul dekat masjid dari masjid kita berarak keliling kampung (--) kita masuk pertandingan basikal pertandingan macam sukanekalah kita

buatlah dekat itu jela yang menampakkan program tahunan kitalah (--). Cuma yang saya cakap tadi kita mungkin setahun sekali sebelum mesyuarat agong kita berikan baju t-shirt lah untuk kita punya aktiviti lah(--). makna tahun lepas kita pergi dekat Terengganu bawak sana semalam kalau dulu(--). kalau saya pasar tani dulu mesyuarat agong pasar tani Maulud Nabi dekat hotel villa (gelak) bila dah zaman diakan (--). penceramah pon alhamdulillah banyak penceramah yang hebat-hebat bila kita tengok keceriaan kita dia pon numpang bangga la kita buat aktiviti kita (--). majlis untuk satu kumpulan tu alhamdulillah la tapi penabungan pon alhamdulillah juga anak-anak kita memang betul penabungan satu hari seminggu pon dalam dua ribu [RM2000] lebih(--). kita tabung raya aitu hari dapat empat ribu [RM4000] cume bayangkan kire alhamdulillah la tapi iman dua iman yang kerajaan dua iman yang itu kita biyai jadi aktiviti kuliah-kuliah nak hampir dekat dua ribu [RM2000] lebih jugakla sebulan jadi makna hiduplah suasana (--). agama kampung kita itu jela saya kalau dapat masjid lama itu pon saya nak buat tahfiz biarlah mana itulah yang mengimarahkan masjid kita besok(--). itulah kelebihan anak-anak kalau kita adalah(...)

**MS: Okey soalan seterusnya, berapakah pendapatan komersial tahunan penanaman di kampung ini?**

HL: (batuk) jadi untuk pendapatan kita buat masa inilah yang kita nampak hasil sawit agak dapatla dalam empat ribu [RM4000] (--). empat ribu lebih [RM4000+] tengok keadaan sawitla kalau kita sepuluh [10] ekar kalau harga sekarang enam ratus [RM600] (--). kalau enam ratus [RM600] (--). sepuluh [10] enam ribu [RM6000] kan itulah dia tapi tula tolak upah tolak ini tula dalam empat ribu [RM4000] (--). kira okey la alhamdulillah la kan itu belum yang ada kebun lebih (--). kita ada sepuluh [10] ekar sahaja lebih pandai-pandailah (gelak) tapi tula(...)

**MS: Okey, berapa orangkah pekerja yang diperlukan untuk menajga penanaman di kampung ini?**

HL: (batuk) (--) kita kalau masjid tu ada biro kita (--) jadi kalau keceriaan (--) kebersihan kita ada dana-dana yang (--) yang kita (batuk) yang kitab agila jadi bila dapat hasil sawit itu berapa keuntungan dia tolak upah tolak itu ini kita tau lah berapa anggaran di punya pendapatan (--) jadi jelasnya kalau sawit dulu nilainya alhamdulillah la baru mula itu hari kita dah tanam semula kan (--) jadi ini belum lagi menuai la masih banyak lagi modal-modal yang perlu kita buat pusingan jadi saya fikir takde masalah lah pasal makna daripada sumbangan-sumbangan Ikhlas(--)  
penduduk pon mana (gelak) membanggakanlah(--)  
diorang tak lokek untuk aktiviti kemasyarakatan itu jumlah pasal korban taruk lapan ratus[rm800] pon okey(batuk) yang lebih masuk tabung mungkin tabung kita sumbang hamba allah(gelak) dia tidak hanya tulis hamba allah je jadi itulah yang ada tiap-tiap bulan dia anak-anak kita pon sumbang dua puluh ringgit[RM20] lima puluh ringgit [RM50] kita tengok sumbangan daripada luar aktiviti kita jadi itulah yang saya perlu nampakkan sebabtu dekat kedai koperasi tu saya dah turapkan (--) kita nak buatkan (--) pasar ramadan pasar ape ke jadi aktiviti jadi untuk menceriakan kampung kitalah sebabtu dekat majlis tu saya dah buat satu lagi Kawasan untuk kita buat apa nama homestay lah pasal kita sebelah tu rumah rakyat rumah kecik kalau nak raya diorang nak balik kampung tak ada jadi kita masjid ada homestay kan satu income kita (--) jadi kita menampakkan itulah jadi bila kita dipersetujui okey (--) semua tu dalam mesyuarat la Cuma kita ada persetujuan oke(--)  
tu jumlah kerja kita bersama itulah(...)

**MA: Dengan ini tamatlah sesi temu bual lisan sesi kedua mengenai sejarah kampung desa temu jodoh Bersama Tuan Haji Latif. Kami mengucapkan jutaan terima kasih atas kesudian dan kerjasama yang diberikan pada beliau dalam menyempurnakan**

**wawancara ini sekian terima kasih. Andai hasil temubual ini dapat menyumbang kepada masyarakat pada masa akan datang sekian terima kasih.**

HL: ye alhamdulillah terima kasih(...)

**LOG TEMUBUAL  
BERSAMA TOKOH**

## 6.0 LOG TEMUBUAL

MASA	TOPIK	BUTIRAN
04.40 – 04.43	Latar belakang diri	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Abdul Latif Bin Mat Noh.</li> <li>• Umur 71 Tahun.</li> <li>• Dilahirkan di Kampung Parit Awam, Yong Peng.</li> <li>• Mempunyai 5 adik beradik.</li> <li>• Mempunyai 5 anak-anak.</li> </ul>
04.43 – 04.46	Pekerjaan dahulu/sekarang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pekerjaan dahulu sebagai penjaja di pasar tani.</li> <li>• Sekarang menjadi penternak haiwan dan mempunyai banyak ladang sawit.</li> <li>• Dapat tawaran belajar masa umur 18 tahun padan tahun 1972.</li> <li>• Ketika bujang lagi, Encik Latif datang ke Kampung Desa Temu Jodoh.</li> </ul>
04.46 – 04.50	Latar belakang kampung	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dirasmikan oleh Tan Sri Othman Saad.</li> <li>• Sebelum ini dikenali sebagai Rancangan Tanah Belia.</li> <li>• Cari rakan-rakan yang ingin berkahwin secara ramai-ramai.</li> <li>• Majlis diadakan di Masjid Jamek Segamat.</li> <li>• Majlis dirasmikan oleh Sultan Johor.</li> <li>• Selepas itu, dikenali sebagai Kampung Desa Temu Jodoh.</li> </ul>



<p><b>04.50 – 04.55</b></p>	<p>Kegiatan di kampung</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerajaan agihkan 10 ekar tanah.</li> <li>• Uruskan tanah dan berkebun.</li> <li>• Becucuk tanam dan menternak haiwan seperti lembu, kambing dan sebagainya.</li> <li>• Menanam sawit.</li> </ul>
<p><b>04.55 – 04.57</b></p>	<p>Penduduk di Kampung</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua menetap di kampung.</li> <li>• Anak-anak menetap kat luar.</li> <li>• 120 orang anak menetap di kampung.</li> <li>• Dah 40 orang dah meninggal dunia.</li> </ul>
<p><b>04.57 – 05.00</b></p>	<p>Fasiliti/kemudahan di kampung</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Fasiliti/kemudahan cukup</li> <li>• Kemudahan seperti telefon semuanya cukup lengkap.</li> <li>• Kemudahan seperti tanah perkuburan, sekolah, masjid semuanya lengkap.</li> <li>• Kemudahan seperti koperasi pun ada di kampung ini.</li> </ul>
<p><b>05.00 – 05.05</b></p>	<p>Tentang banjir di kampung ini</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Biasanya musim tengkujuh pada bulan atau 3.</li> <li>• Air naik sehingga 3 kaki dan 15 kaki di ladang sawit.</li> <li>• Seramai 32 orang penduduk yang terjejas banjir pada ketika itu.</li> <li>• Dipindahkan ke balairaya atau</li> </ul>

		<p>pejabat timbang sawit.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dokumen sempat diselamatkan dan diletakkan di tempat yang tinggi.</li> <li>• Haiwan seramai 26 ekor hanyut dibawa arus ketika banjir.</li> <li>• Ada juga yang diselamatkan kerana haiwan tersebut sempat menaiki tempat yang tinggi.</li> </ul>
<b>05.05 – 05.10</b>	Penjajah ketika dahulu	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dilatihkan seperti tentera oleh penjajah.</li> </ul>
<b>06.00 – 06.05</b>	Aktiviti ekonomi oleh penduduk	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghasilkan sawit</li> <li>• Pengkisah dulu bekerja di pasar tani.</li> <li>• Pengkisah dulu juga membela burung puyuh.</li> <li>• Menjual kuih, barangan frozen di koperasi.</li> <li>• Adakan aktiviti korban lembu beramai-ramai ketika hari raya Aidiladha.</li> <li>• Adakan aktiviti pada hari kemerdekaan dan menghias rumah dengan bendera Malaysia.</li> <li>• Sekarang lebih 80% anak muda di kampung itu berkerjaya.</li> </ul>
<b>06.05 – 06.13</b>	Cara masyarakat kekalkan aktiviti dahulu kepada anak-anak sekarang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keluarkan modal kepada anak-anak dan uruskan sendiri bisnes supaya dapat berdikari.</li> <li>• Contoh kedai koperasi.</li> <li>• Menuruh anak-anak mengikuti program mesyuarat agong.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Di ladang kelapa, disuruh meraka petik sendiri dan menjual kelapa tersebut.</li> <li>• Anak- anak muda juga perlu uruskan aktiviti menyembelih lembu supaya dapat mewarisi orang-orang lama.</li> </ul>
<b>05.13 – 0.5.20</b>	Keistimewaan/keunikan kampung	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemuafakatan</li> <li>• Sentiasa mengadakan program seperti korban, kemerdekaan dan sebagainya.</li> <li>• Sentiasa ada dana untuk menaiktaraf kampung seperti membina pagar kubur.</li> <li>• Mengajak anak muda sentiasa ke masjid dan melatih anak muda untuk menjadi imam.</li> <li>• Kubur di kampung ini dibahagikan kepada 7 kampung.</li> <li>• Anak muda sentiasa menolong jika ada aktiviti seperti gotong royong mengecat jalan dan lain lagi.</li> <li>• Ingin membina tahfiz berdekatan dengan masjid supaya anak murid di tahfiz dapat mengimarahkan masjid.</li> </ul>
<b>05.20 – 5.25</b>	Pendapatan komersial tahunan kampung	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 4 ribu sebulan keuntungan yang diperoleh dari sawit.</li> </ul>
<b>05.25 – 05.33</b>	Pekerja yang diperlukan di kampung ini	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Di masjid, dibahagikan biro-biro masjid seperti kebersihan, protokol dan lain-lain.</li> </ul>

<p><b>05.33 – 05.35</b></p>	<p>Penutup</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dengan ini tamatlah sesi temubual lisan sesi kedua mengenai sejarah kampung desa temu jodoh Bersama Tuan Haji Latif. Kami mengucapkan jutaan terima kasih atas kesudian dan kerjasama yang diberikan pada beliau dalam menyempurnakan wawancara ini sekian terima kasih. Andai hasil temubual ini dapat menyumbang kepada masyarakat pada masa akan datang sekian terima kasih.</li> </ul>
-----------------------------	----------------	---

**RALAT**

## **7.0 RALAT**

Sepanjang temubual ini dijalankan terdapat beberapa perkara dari segi bunyi gangguan dan sebagainya yang dirakam bersama secara tidak langsung. Berikut adalah sejenis ralat yang terdapat di dalam rakaman bersama Encik Haji Latif Bin Mat Noh:

- Bunyi motor penjual ais krim
- Bunyi azan
- Bunyi ketuk meja

Walau bagaimanapun, kami mengucapkan jutaan terima kasih kepada Encik Haji Latif Bin Mat Noh di atas kesudian beliau, meluangkan masa untuk ditemubual dan berkongsi pengalaman bersama kami mengenai sejarah-sejarah yang berlaku sepanjang beliau menceberu bidang industri seni hiburan.

# GLOSARI

## 8.0 GLOSARI

BUTIRAN	MAKSUD
GCB	Jentolak
MID	Pertengahan
PKD	Pusat Komuniti Desa
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
Sorfin	Syarikat Pengeluaran Penapis Peneraju Untuk Kegunaan Industri, Beroperasi Dalam Bidang Penapisan Udara Dan Cecair Secara Umum Dan Pakar Dalam Pengeluaran
Vaterinar	Doktor haiwan merupakan doktor khusus haiwan dan praktikal kedokteran haiwan. Doktor haiwan disebut juga sebagai veterinar.



# INDEKS

## 9.0 INDEKS

### A

aktiviti, 19, 31, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 45  
anak-anak, 33, 39, 40, 42, 45

### B

banjir, 22, 33, 34, 35

### D

desa, 4, 19, 28, 29, 31, 43, 45

### E

ekar, 30, 39, 44  
encik, 27, 28

### J

jodoh, 4, 19, 28, 29, 31, 43, 45

### K

kampung, 4, 19, 21, 22, 23, 25, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 44, 45  
kebun, 30, 38, 39, 44

keluarga, 30, 39, 43  
kemasyarakatan, 38, 45  
kerajaan, 29, 30, 37, 43  
kumpulan, 21, 23, 38, 43

### M

majlis, 4, 21, 25, 28, 29, 33, 37, 40, 43  
meninggal, 22, 32

### P

program, 25, 30, 33, 38, 39, 42

### S

sawit, 19, 21, 25, 30, 33, 37, 39, 44  
segamat, 29, 31, 38

### T

temu, 4, 19, 21, 28, 29, 31, 43, 45

### V

vaterina, 31

# BIBLIOGRAFI

## 10.0 BIBLIOGRAFI

- Kasimon, M. N. (2015, February 4). *Keunikan dan sejarah Kampung Desa Temu Jodoh*. Komuniti Segamat. <https://segamat.com.my/keunikan-dan-sejarah-kampung-desa-temu-jodoh/>
- Mastika. (2022, February 16). DESA TEMU JODOH – Uniknya nama kampung ini. Betul ke boleh dapat jodoh kalau masuk ke sini? *UtusanTV*. <https://utusan.com.my/2022/02/16/desa-temu-jodoh-uniknya-nama-kampung-ini-betul-ke-boleh-dapat-jodoh-kalau-masuk-ke-sini/>
- Sa'ari, M. (2023, June 30). Bestnya! Disandingkan semula! 10 pasangan awal Desa Temu Jodoh teruja! Imbau kenangan 45 tahun lalu! Cerita Komuniti Oleh Reporter Berpengalaman. <https://kitareporters.com/insan/y5eVmOY5dE>

# LAMPIRAN

## 11.0 LAMPIRAN

### 11.1 BIOGRAFI



<b>NAMA</b>	<b>TUAN HAJI LATIF BIN MATNOH</b>
<b>TARIKH LAHIR</b>	24 MAY 1952
<b>TEMPAT LAHIR</b>	KAMPUNG PARIT AWAM YONG PENG
<b>ALAMAT</b>	LOT 922 KAMPUNG PARIT AWAM YONG PENG 83700 BATU PAHAT JOHOR
<b>NOMBOR TELEFON</b>	60 19-757 5571
<b>EMEL</b>	Latiff62@yahoo.com
<b>KERJAYA</b>	KETUA KAMPUNG DESA TEMU JODOH DAN MEMPUNYAI PELBAGAI KHIDMAT DI KAMPUNG TERSEBUT

## 11.2 SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

### PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya ABDUL LATIF BIN MOHD NOH K/P: 520509-01-5571 pada ..... dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

(Nama tokoh ABDUL LATIF BIN M. NOH)

Tarikh: 8/7/2003

(Nama pensyarah )

b.p.Dekan  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA

### 11.3 SENARAI SOALAN

#### Latar belakang peribadi

1. Apakah nama/umur sebenar encik?
2. Dimanakah asalnya encik?
3. Berapakah anak/adik-beradik encik?
4. Apakah pekerjaan dahulu/sekarang encik?

#### Latar belakang Kampung Desa Temu Jodoh

1. Bagaimana nama kampung ini tercipta?
2. Siapakah yang terlibat dalam perubahan nama kampung?
3. Apakah kegiatan yang dilakukan di kampung ini?
4. Bagaimanakah penduduk menghadapi banjir besar yang berlaku pada tahun ini?
5. Berapa ramai penduduk yang menetap di kampung ini?
6. Adakah di kampung ini mempunyai fasiliti yang cukup kepada penduduk?
7. Apakah keestimewaan yang ada di kampung ini?
8. Adakah kampung ini mempunyai apa-apa tradisi orang lama?

#### Sejarah disebalik nama kampung.

1. Apakah nama sebenar kampung ini?
2. Kenapa nama ini boleh terjadi?
3. Siapakah yang memberikan nama kampung tersebut?
4. Adakah nama kampung tersebut berkait dengan penjajah zaman dahulu?



5. Bilakah nama kampung ini diberikan?

#### Berkaitan banjir yang dihadapi

1. Bilakah biasanya musim banjir terjadi?
2. Berapakah penduduk yang terjejas banjir?
3. Dimanakah rumah tumpangan ketika banjir?
4. Berapakah ketinggian paras air Ketika banjir dilanda?
5. Adakah barang dokumen dapat diselamatkan?
6. Adakah haiwan peliharaan dapat diselamatkan?

#### Tentang penjajah zaman dahulu

1. Adakah kampung ini sering dijajah pada zaman dahulu?
2. Apakah barang komersial yang sering penjajah inginkan?
3. Dimanakah tempat perlindungan ketika dijajah?
4. Bagaimanakah keadaan penduduk ketika dijajah?
5. Adakah penjajah dapat diusir Ketika dijajah?

#### Aktiviti ekonomi oleh penduduk

1. Apakah pekerjaan yang dilakukan masyarakat ketika dahulu?
2. Apakah aktiviti yang sering dilakukan oleh penduduk?
3. Apakah cara masyarakat disini untuk mengekalkan aktiviti yang dilakukan dahulu untuk dikekalkan kepada anak-anak sekarang?
4. Apakah aktiviti yang dilakukan masyarakat dikampung ini setiap petang?

### Keistimewaan/Keunikan Kampung

1. Apakah keistimewaan/keunikan kampung ini?
2. Apakah cara untuk mengekalkan keunikan kampung ini?
3. Dimanakah terletaknya keistimewaan/keunikan kampung ini?

### Pendapatan diperoleh di kampung ini

1. Apakah sumber utama di kampung ini?
2. Berapa luaskah tanah penanaman di kampung ini?
3. Berapakah pendapatan komersial tahunan penanaman di kampung ini?
4. Adakah penanaman di kampung ini di hantar ke luar/dalam negeri?
5. Berapa orangkah pekerja yang diperlukan untuk menjaga penanaman di kampung ini?

### Pembangunan dan kemajuan kampung

1. Bolehkah Encik menceritakan sedikit sebanyak tentang sejarah awal kampung ini?
2. Apakah keadaan perumahan di kampung ini pada ketika dahulu?
3. Berapakah penduduk dahulu/sekarang yang tinggal di kawasan ini?

#### 11.4 DIARI PENYELIDIKAN

<b>BIL</b>	<b>AKTIVITI</b>	<b>TARIKH</b>
<b>1</b>	Penerangan projek Sejarah Lisan dari Pensyarah	Mac 2023
<b>2</b>	Pembahagian tokoh pengkisah dari Pensyarah	2 Mei 2023
<b>3</b>	Proses mendapatkan/menghubungi pengkisah	18 Mei 2023 – 5 Jun 2023
<b>4</b>	Mengadakan pertemuan pertama dengan pengkisah (sesi perkenalan awal dengan pengkisah)	21 Jun 2023
<b>5</b>	Mengadakan pertemuan kedua dengan pengkisah	8 Julai 2023
<b>6</b>	Menyiapkan projek Sejarah Lisan	8 Julai 2023 – 8 Julai 2023
<b>7</b>	Menghantar projek Sejarah Lisan	20 Julai 2023

## 11.5 GAMBAR YANG BERKAITAN

